



Komitmen sahabat membayar pinjaman membolehkan dana ditambah setiap tahun

# AIM agih pembiayaan RM2.66b

**KUALA LUMPUR** — Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) mengunjurkan untuk mengagihkan pembiayaan sebanyak RM2.66 bilion pada tahun ini berbanding jumlah agihan pinjaman sebanyak RM2.48 bilion pada tahun lalu.

Pengerusi Eksekutifnya, Datuk Dr. Zubir Harun berkata, pertambahan jumlah pembiayaan itu disumbangkan oleh komitmen peminjam atau lebih dikenali sebagai Sahabat AIM yang membayar pinjaman mereka tepat pada masanya.

Melalui disiplin itu, AIM berkecimpung untuk memiliki dana yang besar dan mampu

mengagihkan semula wang kepada mereka yang memerlukan.

"Hampir 95 peratus daripada Sahabat AIM akan terus membuat pinjaman daripada beberapa produk pinjaman yang ditawarkan kepada mereka.

"Ini akan dapat membantu kumpulan yang terlibat dalam perniagaan kecil-kecilan mengembangkan perniagaan masing-masing," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita pada sidang akbar sempena pengenalan produk penjagaan kecantikan berjenama MEIN dari Korea yang dikendalikan oleh anak

syarikat AIM, Amanah Ikhtiar Malaysia Sdn. Bhd. di sini baru-baru ini.

Zubir menjelaskan, jumlah terkumpul bagi pembiayaan yang telah diagihkan kepada hampir 400,000 sahabat AIM ialah sebanyak RM16.9 bilion.

Lebih menarik, terang beliau, kadar pembayaran balik hutang ialah 98.8 peratus dan ia disumbangkan daripada komitmen peniaga khususnya kaum wanita yang berniaga secara kecil-kecilan.

"Usahawan dari Kedah dan Kelantan merupakan pembayar hutang yang disiplin," ujarnya.



ZUBIR (kanan) menunjukkan produk MEIN dari Korea pada majlis pelancarannya di Kuala Lumpur baru-baru ini.

## MyCrunchy cadang buka lima cawangan

Oleh HAIKAL RAMAN

**KUALA LUMPUR** — Syam Food Industries Sdn. Bhd. (Syam Food Industries), pemilik dan pengendali restoran MyCrunchy Fried Chicken (MyCrunchy), berhasrat untuk membuka lima buah cawangan baharu dengan melibatkan pelaburan kira-kira RM7 juta pada tahun ini.



MyCrunchy merupakan restoran usaha sama antara syarikat bumiputera tempatan dengan pelabur dari Arab Saudi.

Pengasas dan Pengarahnya, Mohd. Sirazi Husin (gambar kecil) berkata, pihaknya telah mengenal pasti beberapa lokasi untuk rangkaian baharu syarikat iaitu di sekitar Selangor termasuk di Bandar Baru Bangi, Shah Alam, Cyberjaya dan Wangsa

Maju di sini.

"MyCrunchy memilih Taman Melati Utama di sini sebagai lokasi cawangan sulungnya kerana ia terletak berdekatan dengan pelanggan sasarannya iaitu komuniti Arab yang berada di sekitar kawasan ini.

"Malah, ia turut berhampiran dengan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia," katanya.

Beliau berkata demikian kepada Kosmo! ketika ditemui selepas majlis pelancaran cawangan sulung MyCrunchy baru-baru ini.

Menurut Mohd. Sirazi, kehadiran MyCrunchy tidak dilihat sebagai pesaing sebaliknya menjadi pelengkap kepada rangkaian makanan segera sedia ada di sini, malah konsep yang dibawa juga berbeza dengan jenama lain.

"Kami mengetengahkan



KANAK-KANAK dari Sekolah Kebangsaan Taman Dato Ahmad Razali beratur untuk mengambil makanan sempena majlis pembukaan restoran MyCrunchy di Taman Melati Utama baru-baru ini.

hidangan ayam goreng dengan resipi serta perapan dari Timur Tengah dan diubah suai mengikut cita rasa tempatan, ia turut menawarkan sajian humus yang diperbuat daripada bijan dan kacang kuda serta amat popular dalam kalangan masyarakat Arab.

"Selain daripada ayam goreng, MyCrunchy turut menyediakan MyCrunchy Sandwich, MyCrunchy Fillet dan saiz hidangan besar; MyCrunchy Super selain menu untuk kanak-kanak, MyKoko Chick yang menjadikannya sebagai restoran makanan segera keluarga," ujarnya.

**Cathay Pacific rancang untuk terbang lebih tinggi**

**KUALA LUMPUR** — Cathay Pacific, syarikat penerbangan yang berpangkalan di Hong Kong, merancang untuk 'terbang lebih tinggi' selepas mengharungi tahun yang sukar dengan mengembangkan rangkaian serta menawarkan kadar tambang yang lebih kompetitif.

Pengurus Negara bagi Malaysia dan Brunei, Anna Choi berkata, walaupun terdapat persaingan sengit, Cathay Pacific mencatat prestasi baik di Malaysia dengan muatan penumpang mele过asi 85 peratus ketika musim puncak.

Sebagai syarikat penerbangan terbesar di Asia dan dikenali sebagai syarikat penerbangan ulung dengan penarafan lima bintang, ia melaporkan kerugian pertamanya sejak 2008 bagi keputusan kewangan pada 2016, berikutnya persaingan sengit daripada syarikat penerbangan China.

"Kumpulan Cathay Pacific kekal komited kepada pasaran Malaysia dan telah memberi perkhidmatan kepada negara ini selama 60 tahun sejak penerbangan pertama kami pada Ogos 1957," katanya di sini semalam. — Berita

## BloomThis bakal tembusi pasaran Singapura

Oleh JOHANNA A. SOBREY

**KUALA LUMPUR** — BloomThis Flora Sdn. Bhd. (BloomThis), penjual bunga dalam talian, merancang untuk meluaskan tapak perniagaannya dengan meneroka pasaran Singapura menjelang suku kedua 2017.

Menurut Pengasas Bersama dan Ketua Pegawai Eksekutifnya, Giden Lim, langkah berkenaan susulan pasaran penghantaran bunga yang berpotensi besar dengan penerimaan perdagangan elektronik

(e-Dagang) dalam kalangan penduduk negara berkenaan.

"Kami akan menggunakan sebahagian daripada dana yang berjumlah AS\$600,000 (RM1.89 juta) yang diterima daripada firma modal teroka, REAPRA Pte. Ltd. (REAPRA) yang berpangkalan di Singapura pada Mac lalu untuk usaha mengetengahkan jenama BloomThis di republik berkenaan.

"Selain itu, dana tersebut akan juga digunakan untuk meningkatkan teknologi sedia ada dan mempertingkatkan

perkhidmatan penghantaran bunga BloomThis.

"Kami akan meneroka segmen perkahwinan di samping terus mempertingkatkan mutu dan kemampuan perkhidmatan penghantaran," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui bersama Pengasas Bersama BloomThis yang juga isterinya, Penny Choo di sini baru-baru ini.

Giden menjelaskan, secara amnya BloomThis ingin masuki pasaran ASEAN lain, khususnya Singapura dan In-


donesia.

Dalam masa yang sama, syarikat akan terus memperkuatkannya kehadiran di Malaysia yang pada masa ini melibatkan pasaran di Lembah Klang, Johor dan Pulau Pinang.

BloomThis menawarkan pelbagai bunga indah yang diperoleh di peringkat tempatan dan negara asing seperti dari Belanda, China, Taiwan, New Zealand, Korea Selatan dan Afrika pada harga dari RM70 hingga RM500, bergantung kepada permintaan pelanggan.



GIDEN (kanan) dan isterinya, Penny Choo menunjukkan bunga-bunga yang dijual secara online di Kuala Lumpur baru-baru ini.



GIDEN (kanan) dan isterinya, Penny Choo menunjukkan bunga-bunga yang dijual secara online di Kuala Lumpur baru-baru ini.

# BloomThis bakal tembusi pasaran Singapura

Oleh JOHANNA A. SOBREY

**KUALA LUMPUR** - BloomThis Flora Sdn. Bhd. (BloomThis), penjual bunga dalam talian, merancang untuk meluaskan tapak perniagaannya dengan meneroka pasaran Singapura menjelang suku kedua 2017.

Menurut Pengasas Bersama dan Ketua Pegawai Eksekutifnya, Giden Lim, langkah berkenaan susulan pasaran penghantaran bunga yang berpotensi besar dengan penerimaan perdagangan elektronik

(e-Dagang) dalam kalangan penduduk negara berkenaan.

"Kami akan menggunakan sebahagian daripada dana yang berjumlah AS\$600,000 (RM1.89 juta) yang diterima daripada firma modal teroka, REAPRA Pte. Ltd. (REAPRA)

yang berpangkalan di Singapura pada Mac lalu untuk usaha mengetengahkan jenama BloomThis di republik berkenaan.

"Selain itu, dana tersebut akan juga digunakan untuk menaiktaraf teknologi sedia ada dan mempertingkatkan

perkhidmatan penghantaran bunga BloomThis.

"Kami akan meneroka segmen perkahwinan di samping terus mempertingkatkan mutu dan kemampuan perkhidmatan penghantaran," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui bersama Pe-

ngasas Bersama BloomThis yang juga isterinya, Penny

Choo di sini baru-baru ini.

Giden menjelaskan, secara

amnya BloomThis ingin memasuki pasaran ASEAN lain, khususnya Singapura dan In-

donesia.

Dalam masa yang sama, syarikat akan terus memperkuuhkan kehadiran di Malaysia yang pada masa ini melibatkan pasaran di Lembah Klang, Johor dan Pulau Pinang.

BloomThis menawarkan pelbagai bunga indah yang diperoleh di peringkat tempatan dan negara asing seperti dari Belanda, China, Taiwan, New Zealand, Korea Selatan

dan Afrika pada harga dari RM70 hingga RM500, bergantung kepada permintaan pelanggan.